




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
2018

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**


HARI ISNIN : 2 APRIL 2018



KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN, NO.11 HINGGA NO.59)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



2

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 2.4.2018 (ISNIN)

SOALAN : 11

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf dan menambah kapasiti pengeluaran air terkawal loji-loji bekalan air mentah bagi memenuhi keperluan penduduk setempat yang kian bertambah khususnya di kawasan luar bandar Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa komited dan bekerjasama dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dalam membantu menyediakan infrastruktur asas bekalan air bersih dan terawat. Penyediaan infrastruktur asas ini termasuklah menaiktaraf dan menambah kapasiti loji-loji rawatan air bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan luar bandar.

4

SOALAN NO: 12

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' FAUZI ABDUL RAHMAN
KAWASAN : INDERA MAHKOTA
TARIKH : 02 APRIL 2018, ISNIN

SOALAN:

YB DATO' FAUZI ABDUL RAHMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan jalan raya dari pekan Sungai Lembing, di daerah Kuantan ke Jerantut, Pahang akan mula dibina seperti mana dinyatakan di dalam sesi Parlimen yang terdahulu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selari dengan Laporan *Highway Network Development Plan (HNDP)*, Kementerian Kerja Raya telah mengenalpasti keperluan untuk membina jalan baru dari Sungai Lembing ke Jerantut, Pahang.

Sebagaimana jawapan yang telah diberikan dalam sesi Parlimen terdahulu, Kementerian telah memohon untuk Membina Jalan dari Sg. Lembing ke Jerantut daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri semasa *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11. Walau bagaimanapun, cadangan projek ini tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat dalam tempoh berkenaan.

Sekian, terima kasih.

6

SOALAN (13)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 APRIL 2018
[ISNIN]

DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

SOALAN :

YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membentuk satu kaedah yang lebih fleksibel kepada graduan-graduan yang telah menamatkan latihan dalam Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang kembali menganggur di sebabkan graduan tersebut tidak berpotensi atau syarikat pekerjaan tersebut yang menetapkan syarat yang terlalu ketat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang ditubuhkan pada 1 Jun 2011 bertujuan membantu para graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduat. Program kebolehpasaran ini dilaksanakan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh industri dengan membuka peluang kepada para graduan tempatan untuk mendapatkan latihan pekerjaan di samping menimba pengalaman kerja sebenar yang cukup berharga dalam memberi nilai tambah kepada graduan.

Program SL1M merangkumi dua komponen latihan utama iaitu latihan kemahiran insaniah (*soft skill training*) dan latihan di tempat kerja (*on-the-job training*). Pelatih SL1M akan diterapkan dengan lima modul utama iaitu *Communication Skills, Creative & Analytical Thinking, Organizational Adaptability, Value Driven Professional* dan *Grooming And Etiquette*. Lima modul ini telah dikenalpasti oleh para majikan sebagai kelemahan utama para graduan yang perlu diperbaiki dan

digarap bagi membantu mereka lebih mudah mendapat pekerjaan. Latihan yang diberikan bertujuan meningkatkan tahap kecekapan dan kompetensi graduan di samping kemahiran-kemahiran teknikal mengikut acuan dan keperluan syarikat dan industri yang melatih mereka.

Sejak penguatkuasaan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) / PK 1.2 pada 1 Ogos 2017 yang lalu, semua syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan yang kontraknya melebihi nilai ambang seperti yang ditetapkan wajib mengambil bahagian dalam Program SL1M dengan memastikan syarikat-syarikat ini menyumbang semula sebanyak 1% daripada nilai kontrak kepada masyarakat dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan sejajar dengan hasrat yang diutarakan oleh Kerajaan hari ini.

Bagi memastikan semua graduan mendapat peluang yang sama tidak kira walau di mana mereka berada, Kerajaan telah memperkenalkan satu lagi inisiatif yang menjadikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) sebagai pusat sehenti bagi agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai program intervensi seperti SL1M, Jobsmalaysia, PERKESO, HRDF dan SOCSO. Hal ini dilihat sebagai salah satu langkah proaktif bagi membantu graduan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan

program-program yang disediakan oleh Kerajaan kepada rakyat Malaysia.

Lebih 90% daripada peserta SL1M telah berjaya mendapat pekerjaan tetap sama ada diserap oleh syarikat yang melatih atau menerima tawaran daripada syarikat lain semasa atau selepas menjalani latihan SL1M. Program SL1M tidak menjamin sebarang pekerjaan kepada graduan dan syarikat tidak diwajibkan untuk menyerap peserta SL1M sebagai pekerja tetap. Namun, bagi peserta yang benar-benar menunjukkan prestasi dan pencapaian yang baik sepanjang latihan akan diserap sebagai pekerja di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian di dalam program SL1M.

Justeru, jika para graduan berjaya merebut dan menggunakan peluang yang telah diberikan untuk sentiasa memperbaiki diri ke arah yang lebih baik, sudah tentu mereka akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada program ini seterusnya menjadi generasi muda yang berprestasi tinggi dalam membina kerjaya mereka di masa hadapan.

Graduan harus bijak mempraktikkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ditimba sepanjang program latihan untuk mendapatkan pekerjaan

di syarikat lain. Sekiranya tidak diserap, SL1M sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk penempatan latihan di syarikat lain.

Sekian, terima kasih.

April 2018